

# Georgetown dilanda banjir



Seorang penduduk menolak basikalnya mengharungi banjir kilat di Jalan P Ramlee berikutan hujan lebat sejak awal pagi semalam.

**GEORGETOWN** - Seorang warga emas terkejut mendapati air naik dengan cepat sehingga masuk ke dalam rumah ketika mahu menikmati sarapan di rumahnya di Jalan P Ramlee di sini, semalam.

Naina Ali Mohamed Khan, 63, berkata, hujan berterusan sehingga ke pagi menyebabkan air naik dengan cepat.

“Nasib baik hujan sudah berhenti pada waktu tengah hari dan air pun surut dengan cepat,” katanya.

Sementara itu, Jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Perak memaklumkan seramai tiga anggota bombanya terlibat dalam operasi banjir kilat kelmarin.

Menurutnya, seorang pelajar se-

kolah diselamatkan gara-gara terperangkap dalam banjir.

“Kami terima aduan pada jam 9.51 pagi dan operasi tamat pada jam 10.30 pagi. Antara jalan terjejas ialah Jalan P Ramlee susur masuk ke Jalan Gemas sehingga persimpangan belakang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdullah Munshi dan bulatan Jalan Free School.

“Antara kawasan lain terlibat dengan banjir kilat termasuk Paya Terubong dan beberapa lokasi sekitar Georgetown,” katanya.

Sementara itu, Naib Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Jasmin Noordin berkata, pihaknya turun padang bagi menghulurkan bantuan makanan kepada 150 mangsa banjir.